

Kuala Lumpur: Yayasan Sains Toray Malaysia (MTSF) menganugerahkan penghargaan kepada tujuh institusi pengajian tinggi (IPT) dan sebuah jabatan kerajaan dengan geran penyelidikan berjumlah RM321,000.

Dalam satu kenyataan MTSF semalam, tujuh IPT berkenaan adalah Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan tiga anugerah bernilai

Tujuh IPT terima anugerah MTSF

RM54,000; Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) tiga anugerah (RM60,000); Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) tiga anugerah (RM50,000) dan Universiti Sains Malaysia (USM) dengan dua anugerah (RM45,000).

Selain itu, Universiti Malaysia Sarawak (UMS) dengan dua anugerah (RM35,000); Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan dua anugerah (RM32,000) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan satu anugerah (RM20,000).

Sebuah agensi kerajaan iaitu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara turut menerima pengiktirafan daripada MTSF RM25,000 bagi satu anugerah dengan kajian penilaian spesies hidupan liar di Taman Negara dengan mak-

lumat DNA lintah.

UiTM berjaya meraih tiga anugerah hasil penyelidikan terhadap Fabrikasi Tembaga Titania Nanotube untuk Pengalihan Tenaga Solar, penyelidikan pokok Stevia dan penyelidikan racun herba mesra alam.